



**SOALAN LAZIM (FAQs)**  
**ASNAF CARE, LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH**  
**SEMPENA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19**

**1. Apa itu Asnaf Care?**

Asnaf Care merupakan satu sistem tabung dana COVID-19 yang telah dibangunkan oleh kakitangan Lembaga Zakat Negeri Kedah LZNK pada 26 Mac 2020. Sistem ini bertujuan membuka peluang kepada masyarakat untuk menyumbang bekalan makanan kepada mereka yang memerlukan di Negeri Kedah khususnya golongan asnaf dan golongan yang terputus bekalan makanan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini yang telah bermula sejak 18 Mac 2020.

**2. Apakah sasaran LZNK melalui dana Asnaf Care?**

LZNK mensasarkan kutipan sebanyak kira-kira RM32,946,000.00 juta yang mampu memberi manfaat kepada kira-kira 700,000 keluarga asnaf dalam masa 6 bulan ini yang diramalkan bakal menghadapi impak ekonomi yang perlahan akibat wabak COVID-19 yang melanda dunia.

**3. Kemana bekalan ini akan diagihkan?**

Bekalan makanan ini akan diagihkan melalui Pusat Bekalan Makanan (Food Bank) di 576 buah masjid dalam Negeri Kedah yang telah menjadi Pusat Bekalan Makanan Fakir dan Miskin secara rasmi di bawah pengurusan LZNK.

**4. Apakah jenis barang yang boleh disumbangkan?**

Sembilan jenis barang dari produk muslim dan harga keseluruhan ditetapkan oleh LZNK :

BIL	JENIS BARANG	BERAT	HARGA
1.	Beras	5 Kg	RM13.00
2.	Minyak Masak	1 Liter	RM 3.50
3.	Gula	1 Kg	RM 3.00
4.	Sardin	155 Gram	RM 3.70
5.	Sos	415 Gram	RM 2.45
6.	Kicap	415 Gram	RM 2.45
7.	Bihun	400 Gram	RM 3.40
8.	Teh	100 Gram	RM 3.30
9.	Biskut	250 Gram	RM 4.30

**5. Berapakah harga keseluruhan untuk 9 barang tersebut?**

Bagi 1 set bekalan makanan tersebut adalah RM 40.10 sahaja.

**6. Berapakah kadar minima untuk menyumbang?**

Kadar minima untuk menyumbang adalah dengan harga serendah RM 2.45 sahaja.

**7. Bagaimana panduan untuk membuat sumbangan?**

Layari Asnaf Care dilaman <http://asnafcare.com.my> - klik Donate - klik jenis barang - klik cart - klik checkout- Isi maklumat pembayar - pilih jenis bayaran - cetak resit.

**8. Bagaimana ingin mengetahui transaksi yang dibuat telah berjaya?**

LZNK akan menghantar SMS ke nombor anda dan panduan untuk mencetak resit melalui sistem <https://jom.zakatkedah.com.my/>

**9. Adakah menyumbang melalui Asnaf Care ini boleh dianggap sebagai zakat?**

Ya. Sumbangan melalui Asnaf Care ini dianggap sebagai zakat dan resit rasmi akan dikeluarkan atas kategori zakat pendapatan. Penyumbang yang mempunyai kelayakan syarat untuk berzakat, boleh niatkan bayaran tersebut sebagai zakat. Manakala bagi penyumbang yang tidak diwajibkan zakat, bayaran tersebut dikategorikan sebagai sedekah sunat.

**10. Adakah bayaran melalui Asnaf Care layak untuk mendapatkan pelepasan cukai?**

Ya. Bayaran tersebut layak untuk mendapat pelepasan cukai kerana resit dikeluarkan atas kategori zakat pendapatan.

**11. Adakah sumbangan ini dikhususkan kepada masyarakat muslim sahaja?**

Tidak. LZNK turut membuka ruang kepada golongan Non Muslim untuk sama-sama membantu atas dasar tolong-menolong dan prikemanusiaan. Bayaran tersebut tidaklah dikira sebagai zakat tetapi hanyalah sumbangan biasa. Kaedah ini bertujuan untuk mempamerkan keindahan dakwah Islam kepada golongan Non muslim.

## **12. Kenapa anda perlu membuat sumbangan di Asnaf Care?**

- ✓ Anda tidak perlu bersusah payah menghabiskan masa dan tenaga untuk mencari asnaf, tetapi hanya mewakilkan kepada LZNK sahaja untuk menguruskan pembelian dan pengagihannya.
- ✓ Agihan makanan ini bukan hanya di satu daerah, tetapi 12 buah daerah di negeri Kedah melalui 576 buah masjid yang akan mendapat manfaat dari sumbangan anda.
- ✓ Pembelian barang di Asnaf Care secara tidak langsung anda telah membantu meningkatkan ekonomi umat Islam kerana kesemua pembekal barang tersebut daripada syarikat muslim yang membuat bayaran zakat perniagaan di LZNK.

## **13. Bagaimana untuk melayari web rasmi Asnaf Care?**

Anda boleh layari Asnaf Care di laman <http://asnafcare.com.my>

## **14. Bagaimana jika ingin membuat aduan?**

Sila hubungi LZNK di nombor talian bebas tol :

1800-88-1740 / 019-488 1740 (Aduan ICT) atau emel di : [aduan@zakatkedah.com](mailto:aduan@zakatkedah.com)

وَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: {حَصِّنُوا أَمْوَالَكُمْ بِالزَّكَاةِ وَدَأْوُوا مَرْضَائِكُمْ بِالصَّدَقَةِ وَأَعِدُّوا لِلْبَلَاءِ الدُّعَاءَ}.

Nabi SAW bersabda : “Jagalah harta-harta kamu dengan zakat, ubatilah orang-orang sakit di antara kamu dengan sedekah, dan hadapilah musibah dengan doa.” (Hadis Riwayat Imam At-Thabrani)